

Insaf dan pelajari pengalaman di Lebanon

Sengketa agama

BH 29 SEP 1987

berbahaya: PM

KUALA LUMPUR, Isnin

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya berhati-hati sewaktu membuat kenyataan yang mungkin membawa kepada rusuhan antara penganut pelbagai agama di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, di negara berbilang kaum dan agama, perselisihan faham antara penganut agama yang berlainan amat berbahaya.

Beliau meminta rakyat supaya insaf dan mengambil pengajaran daripada keadaan porak-peranda di beberapa negara yang disebabkan oleh perselisihan faham agama.

"Lihatlah Lebanon yang hancur disebabkan permusuhan antara Kristian dan Islam, di Ireland Utara yang porak-peranda kerana permusuhan antara orang Katolik dan Protestan, di India antara orang Sikh dan Hindu dan antara orang Islam dan Hindu. Di Iran dan Iraq antara Syiah dan Sunni," katanya.

Berucap merasmikan Seminar Antarabangsa mengenai Perpaduan Ummah di Pusat Islam di sini hari ini, beliau merujuk kepada tuduhan mengenai apa yang dikatakan percubaan orang Kristian mengkristiankan orang Melayu di negara ini.

Tiada bukti

"Berhubung dakwaan ini, bukti yang jelas tidak ada selain orang Kristian yang memeluk agama Islam kerana berkahwin atau sebab-sebab lain yang kemudiannya balik kepada agama Kristian kerana kecewa dengan sesuatu.

"Sudah tentu tidak ada langsung bukti, bahawa 66,000 orang Melayu menjadi Kristian atau menganut agama lain atau menjadi ateis. Kita juga tidak ada bukti bahawa 2,000 orang Islam menjadi Kristian," katanya.

Sambil berharap dakwaan yang disifatkannya sebagai tidak bertanggungjawab itu tidak diulang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita tidak mahu berlaku rusuhan di negara ini antara penganut agama-agama sedangkan perpaduan antara umat Islam sendiri tidak begitu teguh.

"Kita sudah berpisah sesama kita dengan imam, masjid dan kubur berasingan, mengerjakan haji berasingan dan sekarang percubaan mendirikan kampong untuk memisahkan antara Islam dengan Islam."

Perdana Menteri juga kesal kerana kini timbul pula soal murtad bagi menggantikan soal mengkafir. Menurutnya, untuk membantu hujah bahawa ramai orang Islam sudah murtad dan murtad berlaku di mana-mana sahaja, golongan yang menimbulkan soal ini menggunakan sepotong ayat al-Quran yang diasingkan dan ditafsir tanpa mengambil kira ajaran al-Quran seluruhnya dan mengeneipkan pentingnya hikmah dalam menurut perintah Allah.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir menyebut mengenai sebuah buku yang menggariskan 10 kategori yang boleh menjadikan seseorang itu murtad, tetapi tidak mengambil kira kedudukan dan alam sekeliling.

Menurutnya, buku itu menghukum orang Islam minoriti dalam sebuah negara bukan Islam murtad kerana pemimpin negara itu orang bukan Islam.

"Malah kini sudah ada yang menyoal sama ada orang Islam boleh tinggal sebilik dengan bukan Islam atau duduk dan makan bersama dengan bukan Islam."

Keraguan

Perdana Menteri berkata, dengan keraguan mengenai keislaman sebegitu ramai orang Islam, maka semakin sukarlah perpaduan di kalangan umat Islam.

Seminar tiga hari itu yang dianjurkan oleh Bahagian Hal-Ehwal Agama Islam, membincangkan tujuh kertas kerja yang dibentangkan oleh wakil tujuh negara. Kira-kira 250 orang, termasuk ahli-ahli exco negeri yang mengetuai portfolio agama, ketua majlis dan jabatan agama Islam negeri, mufti, kadi besar dan wakil-wakil Yayasan Islam mengikuti seminar itu.